

**BRITISH DALAM PERSEMPADANAN HULU PERAK-REMAN:
SATU KRONOLOGI DARI TAHUN 1882 HINGGA 1909**

***THE BRITISH IN HULU PERAK-REMAN BORDER:
A CHRONOLOGY FROM 1882 TO 1909***

Shuwaibah binti Rasidi*

Shakila Yacob**

Universiti Malaya (UM)

Abstrak

Sempadan Hulu Perak dan Reman terbentuk dengan penyambungan garisan sempadan di antara Perak dan Siam yang dipersetujui oleh pihak British dan Siam dalam Perjanjian Anglo-Siam atau Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909. Sebelum abad ke 19, tiada garis sempadan yang nyata dan tetap di Negeri-Negeri Melayu (NNM) termasuk dua kawasan terbabit. Keadaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan perebutan kawasan di antara Hulu Perak dan Reman sehingga memaksa Perak meminta bantuan British. Artikel ini bermatlamat untuk melihat sejauh mana British berperanan dalam tuntutan ke atas kawasan yang didakwa milik Perak secara kronologi dari tahun 1882 hingga 1909 seterusnya menetapkan garis pemisah antara Hulu Perak dan Reman. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada kaedah kepustakaan. Dalam kaedah ini, penelitian terhadap sumber pertama daripada rekod-rekod British iaitu mikrofilem dan fail-fail rasmi seperti Rekod-rekod Pejabat Hubungan Luar British (FO) dan Pejabat Tanah Jajahan British (CO) telah dilaksanakan selain sumber kedua seperti jurnal, makalah dan buku-buku. Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap penemuan baru setelah seratus tahun Perjanjian Anglo-Siam 1909 terutamanya masalah sempadan yang berkaitan dengan Hulu Perak dan Reman serta dapat menyumbang kepada kajian-kajian berkaitan persempadan di Malaysia.

Kata Kunci: NNS, NNMB, CO, FO, Hulu Perak, Reman.

Abstract

The Hulu Perak and Reman border was formed by the crossing of the border between Perak and Siam as agreed by the British and Siamese in the Anglo-Siamese Treaty or the Bangkok Treaty on March 10, 1909. Before the 19th century, there were no clear and permanent boundaries in Malay States (NNM) includes two areas involved. This incident indirectly created an area of conflict between Hulu Perak and Reman, forcing Perak to seek British assistance. This article aims to see how far the British have played a role in the claim on Perak's alleged territory from 1882 to 1909 and then set a dividing line between Hulu Perak and Reman. Using a qualitative approach with a focus on library methods, the British records was used as the primary source of microfilm and official files such as the British Foreign Office (FO) and British Colonial Office(CO). In addition, secondary sources such as journals, papers and books are also referred to. This study contributes significantly to new discoveries after the one hundred years of the Anglo-Siam Treaty of 1909, especially the border problems related to the Hulu Perak and Reman and contributes to the study of borderlands in Malaysia.

Keywords: NNS, NNMB, CO, FO, Hulu Perak, Reman

Pengenalan

Dasar imperialism Barat di Asia Tenggara bermula sejak abad ke-16 menyaksikan kuasa-kuasa Barat seperti Portugal, Sepanyol, Belanda, Britain, Perancis dan Amerika Syarikat bersaing meluaskan tanah jajahan. Tujuan awal imperialism Barat adalah menguasai perdagangan rempah kemudiannya berubah kepada keinginan untuk menguasai ekonomi berikutnya Revolusi Perindustrian di Eropah pada akhir kurun ke 18. Implikasinya, persaingan antara kuasa barat menjadi semakin sengit. Pada 20 Januari 1874, Perjanjian Pangkor telah ditandatangani antara British dan Perak bagi menyelesaikan Perang Larut. Perjanjian ini berjaya meletakkan British sebagai kuasa protektorat yang sah mentadbir Perak di bawah sistem Residen. Perluasan kuasa British kemudiannya diperluaskan lagi ke NNM lain iaitu Selangor (1875), Pahang (1888) dan Negeri Sembilan (1889). Pentadbiran British ini telah memperkenalkan sempadan politik atau sempadan wilayah bagi mengenal pasti ruang lingkup sebuah negeri atau kerajaan berdasarkan konsep *nation-state* yang telah dilaksanakan di Eropah.¹ Konsep sempadan ini sangat penting untuk memastikan kelangsungan kuasa British di Asia Tenggara termasuk di NNM tidak diganggu gugat oleh kuasa Barat yang lain. Menurut David Lee, abad ke-17 hingga ke-20 merupakan tempoh waktu di mana konsep sempadan yang digunakan di Eropah telah dibawa ke Asia Tenggara oleh bangsa Eropah.² Menjelang tahun 1914, seluruh Asia Tenggara kecuali Thailand telah dikuasai sepenuhnya oleh imperialis Barat.

Negeri-negeri Melayu (NNM) yang terletak di bahagian utara termasuk kawasan Hulu Perak dan Reman menerima kesan yang ketara apabila menjadi medan percaturan kuasa antara British dan Siam. British mahu melebarkan dan mengukuhkan kedudukan di rantau Asia Tenggara. Manakala Siam pula sebagai negeri penaung NNM tersebut mahu mengekalkan kelangsungan kemerdekaan negaranya. Perkembangan teknologi melalui Revolusi Perindustrian di Eropah menjelang akhir abad ke-19 telah mengubah corak ekonomi di NNM daripada perdagangan maritim kepada perdagangan komoditi. Perlombongan bijih timah dan perladangan getah adalah perdagangan baru yang berpotensi menguntungkan pihak British. Perkembangan dalam aspek perdagangan komoditi yang baharu itu memerlukan pihak British mengambil langkah-langkah yang benar-benar dapat memastikan kedudukan mereka lebih terjamin dalam geopolitik pemerintahan Tanah Melayu.³ Ini adalah kerana penguasaan dalam pemerintahan akan mengupayakan pihak Biritsh dalam menguasai perdagangan. Justeru bagi mencapai tujuan itu, British perlu memastikan wilayah-wilayah yang mahu dimiliki berada di bawah kuasanya secara sah. Permasalahan sempadan di Hulu Perak telah membuka peluang baru kepada British untuk meluaskan jajahan dan memperkuuhkan kuasanya. Artikel ini bermatlamat untuk melihat sejauh mana British berperanan dalam tuntutan ke atas kawasan yang didakwa milik Perak secara kronologi dari tahun 1882 hingga 1909 seterusnya menetapkan garis pemisah antara Hulu Perak dan Reman

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada kaedah kepustakaan. Penelitian terhadap sumber pertama daripada rekod-rekod British iaitu mikrofilem dan fail-fail rasmi seperti Rekod-rekod Pejabat Hubungan Luar British (FO) dan Pejabat Tanah Jajahan British (CO) telah dilaksanakan selain sumber kedua seperti jurnal, makalah dan buku-buku. Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap penemuan terbaru setelah seratus tahun Perjanjian Anglo-Siam 1909 terutamanya masalah sempadan yang berkaitan dengan Hulu Perak dan Reman serta dapat menyumbang kepada kajian-kajian berkaitan persempadanan di Malaysia.

Latar Belakang Hulu Perak dan Reman

Sejarah asal usul kemunculan Hulu Perak didapati agak kabur. Namun mengikut kebanyakan catatan, pengasas Hulu Perak adalah Tun Saban.⁴ Daerah Hulu Perak ini terletak di bahagian timur laut negeri Perak. Di sebelah baratnya berjiran dengan Kedah dan Kelantan di bahagian timur. Bahagian timur laut Hulu Perak bersebelahan dengan negeri Reman.⁵ Daerah Kuala Kangsar pula berada di bahagian selatan Hulu Perak.⁶ Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 telah dimeterai antara pembesar-pembesar Perak iaitu Raja Muda Abdullah, Temenggung, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Dato' Sagor, Raja Bendahara, Syahbandar dan Raja Mahkota dengan Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri-negeri Selat (NNS). Bertitik tolak dari peristiwa tersebut, Perak telah menerima seorang residen bagi menasihati hal ehwal berkaitan pentadbiran negeri seperti yang terkandung dalam fasal ke enam Perjanjian Pangkor iaitu:


“...hendaklah sultan itu menerima seorang besar British yang dinamai Residen dan mengadakan sebuah rumah yang patut akan tempat kediamannya maka orang besar ini hendaklah ada berkuasa dan terpakai dalam balai bicara sultan itu dan hendaklah dituntut apa-apa nasihat daripadanya dan mengikut ajaran yang pada apa-apa dalam segala perkara yang lain daripada perkara yang kena kepada agama dan adat-adat Melayu”⁷

Fasal dalam perjanjian tersebut menggariskan peranan residen dalam hal ehwal pentadbiran Perak. Ia memberi ruang dan peluang kepada British mengambil tahu tentang hal politik Perak secara langsung. Ini bermakna, British boleh mencampuri semua urusan kecuali adat dan agama. Tumpuan British kepada pentadbiran Hulu Perak hanya berlaku selepas kes pembunuhan residen British yang pertama iaitu J.W.W.Birch berjaya diselesaikan.⁸ Pada awalnya, pentadbiran Hulu Perak hanya dijalankan dari Kuala Kangsar dengan menurunkan pegawai-pegawai kerajaan secara berkala ke kawasan Kota Tampan dan Lenggong. Tetapi bermula pada 1 Januari 1888, Carlo Fernando Bozziolo (C.F.Bozziolo) telah dilantik sebagai Pemungut Cukai dan Hakim Daerah Hulu Perak manakala pusat pentadbiran ketika itu berada di Janing atau dikenali sebagai Kenering pada waktu sekarang. Perlantikan C.F.Bozziolo menunjukkan pelebaran sayap penguasaan British sudah menjangkau ke bahagian Hulu Perak. Sebelum itu, pemerintah tempatan Perak hanya memberi laluan kepada Tun Saban dan Tok Temong serta keturunannya mentadbir bahagian Hulu Perak.

Negeri Reman pula terletak di bahagian selatan Siam, bersempadan dengan Hulu Perak di sebelah barat daya dan Kelantan di sebelah selatan. Reman turut berkongsi sempadan dengan Kedah di bahagian barat. Manakala di timurnya adalah Legeh dan utaranya ialah Jering. Reman pada awalnya adalah sebahagian daripada Kerajaan Patani dan merupakan wilayah yang terbesar dalam kerajaan tersebut.⁹ Pada tahun 1785, Kerajaan Patani jatuh ke tangan Siam. Penaklukan ini telah mengubah struktur pemerintahan dan geografi Patani termasuk negeri Reman. Siam menjalankan dasar pecah dan perintah dengan membahagikan Patani kepada tujuh buah negeri pada tahun 1808 dan kesemuanya diperintah oleh raja-raja lantikan Siam yang berpusat di Bangkok.¹⁰ Semua urusan pentadbiran termasuklah penggantian pemerintah di Reman dan negeri-negeri yang lain tertakluk kepada Bangkok sebaik sahaja kedudukan Kerajaan Patani diturunkan daripada negeri naungan kepada wilayah sempadan. Selepas penstrukturkan ini, Reman menjadi sebuah negeri beraja dan mempunyai pentadbiran tersendiri walau pun hakikatnya masih diawasi oleh Siam dengan meletakkannya di bawah penyeliaan Songkhla.

Pembebasan Reman daripada naungan Patani dan kawalan Siam yang agak longgar terhadapnya memberi impak besar terhadap persempadanan Hulu Perak dan Reman. Siam tidak pernah menyekat aktiviti-aktiviti Melayu di bahagian selatan ini termasuk usaha perluasan kuasa oleh Reman kecuali sebarang perlakuan yang bermaksud penentangan terhadap Siam. Di bawah pemerintahan Tuan Nik Toh Leh; raja pertama yang diperakui oleh Siam, Reman melebarkan kuasa dan pengaruh ke bahagian utara Hulu Perak yang bersebelahan dengan Reman.¹¹ Persoalan tentang Reman ini agak kurang diberi perhatian dalam penulisan sejarah berhubung Negeri-negeri Melayu Selatan Siam. Fokus lebih diberikan kepada sejarah Patani terutamanya berkaitan nasionalisme dan Patani dilihat sebagai wadah pencetus semangat nasionalisme tersebut.

Peta 1: Kedudukan Negeri Reman yang Bersempadan dengan Negeri Perak



Sumber: Skeat ,W.W., The Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States and Upper Perak 1899-1900, *JMBRAS*, Vol.26, Part.4.,hlm.4.

Permulaan Campur Tangan British

Pelebaran kuasa yang dijalankan oleh Reman secara langsung telah mengubah status milikan lombong-lombong bijih timah kepada Reman sekali gus menjadikan Perak kehilangan sumber ekonomi.¹² Sehubungan itu menyedari kepentingan sempadan dalam penentuan kawasan penguasaan lombong bijih timah dan menentukan keluasan wilayah taklukan Perak, Raja Yusof, Raja Muda Perak telah mengambil peluang mengajukan permohonan bantuan menuntut kawasan tersebut kepada pentadbiran British di Perak pada tahun 1882.¹³ Dalam surat bertarikh 19 April 1882, Raja Yusof menyatakan,

“...I think the land which has been taken up by Petani (and which was formerly in Perak) ought to be restored to us, because there exist Treaties between the King of Siam and the British Government which were executed in 1826. It is stated therein that Siam agrees to restore all the districts belonging to Perak; but now these districts, which are adjacent to Petani, are still under the rule of Siam...perhaps the Governer will assist us to in asking the king of Siam to arrange the bondaries fairly between Perak and the other states which are under the Government of Siam.”¹⁴

Surat tersebut menunjukkan Raja Yusof mengharapkan British membantu Perak mengajukan persoalan Hulu Perak kepada pihak Siam. Ini dapat dilihat melalui penekanan tentang persetujuan Siam mengembalikan wilayah-wilayah milik Perak dalam Perjanjian Burney 1826 antara British dan Siam. Sebagai penambahan, Raja Yusof turut menyertakan butiran sempadan lama beserta peta bagi rujukan pihak British.

Dalam kata lain, Raja Yusof sebenarnya bertujuan meminta British menyelesaikan urusan tuntutan wilayah tersebut dengan Siam menggunakan kedudukan Perak sebagai negeri protektorat British. Hubungan baik Raja Yusof dengan Hugh Low, residen Perak ketika itu dijadikan sebagai jambatan untuk menyampaikan hasratnya kepada Gabenor Negeri-negeri Selat (NNS) iaitu Sir Frederick Weld. Sebagai kuasa protektorat, British mengambil inisiatif untuk campur tangan dalam kes tuntutan ke atas kawasan yang ditafsirkan sebagai tanggung jawab ke atas negeri protektoratnya.¹⁵

Proses Tuntutan British

Urusan tuntutan wilayah Hulu Perak ini bukanlah satu urusan yang mudah dan boleh diselesaikan dengan masa yang cepat. Ia membabitkan pengendalian dua urusan utama iaitu surat dan rundingan. Proses tuntutan juga melibatkan beberapa pihak iaitu kerajaan Perak, NNS, CO, FO dan Kerajaan Siam merangkumi urusan surat menyurat antara jabatan dan perundiangan. Prosedur surat menyurat memakan masa yang lama untuk mendapatkan maklum balas. Surat tuntutan Perak oleh Raja Yusof kepada Hugh Low misalnya perlu melalui Gabenor NNS sebelum dihantar kepada CO. Surat tersebut kemudiannya perlu diserahkan kepada FO terlebih dahulu kerana kes tuntutan Perak melibatkan hubungan antara negara sebelum ia dipanjangkan pula kepada Jeneral Konsul British di Bangkok untuk diserahkan kepada Menteri Luar Siam. Selepas itu barulah surat tersebut dijawab dan dikembalikan semula.

Proses surat menyurat ini memakan masa yang lama. Untuk surat tuntutan Raja Yusof sahaja, pihak Perak mengambil masa sehingga lima bulan untuk menerima maklum balas daripada pihak Siam. Situasi ini berpunca daripada prosedur birokrasi British yang perlu dipatuhi terutamanya apabila urusan berkaitan antara negara dan

membabitkan hubungan diplomatik. Bagi memudahkan proses, CO dan FO memutuskan untuk mengarahkan wakil masing-masing supaya berhubung terus bagi menjimatkan masa dan mempercepatkan penyelesaian. Mr. Lister (FO) kepada Lord Kimberley melalui suratnya kepada Mr. Meade (CO) menyatakan, “*I am to suggest, if Lord Kimberley sees no objection, that Sir Frederick Weld should be authorized to communicate direct with Mr. Palgrave on this subject.*”¹⁶ Cadangan komunikasi secara terus ini kemudiannya dipersetujui oleh Lord Kimberley sebagaimana dalam surat jawapan balas Mr. Meade bertarikh 26 Disember 1882.¹⁷ Dengan persetujuan itu, perbincangan dalam surat menyurat selepas itu menjadi lebih cepat kerana ianya membabitkan saluran yang lebih ringkas iaitu Residen Perak kepada Gabenor NNS di Singapura.

Dari Singapura terus kepada Konsul Jeneral British di Bangkok sebelum tiba kepada Menteri Luar Siam untuk diberi maklum balas.¹⁸ Ringkasnya, prosedur surat menyurat adalah penting dalam proses tuntutan Perak. Ia boleh dianggap sebagai tuntutan rasmi, penyampai maklumat dan pengukuhan tuntutan melalui lampiran-lampiran bukti seperti peta, hasil temu bual dan soal selidik penduduk tempatan. Namun medium surat tidak berupaya menyelesaikan tuntutan Perak terhadap wilayah yang dituntut. Kebanyakannya mengambil masa yang panjang untuk membincangkan satu-satu perkara sebelum tindakan seterusnya boleh dilaksanakan. Sehubungan itu, rundingan secara terus telah diusahakan oleh British. Sepanjang tuntutan berlangsung, perbincangan telah dijalankan dalam beberapa fasa rundingan bersemuka yang melibatkan beberapa orang pegawai Eropah yang mewakili NNM dan Siam. Fasa rundingan pertama, pegawai Eropah yang terlibat adalah Mr. Ernest M. Satow; Jeneral Konsul British di Bangkok yang mewakili Siam dan Sir Hugh Low; mewakili Perak. Fasa tuntutan kedua, Siam masih diwakili oleh Satow, manakala Sir Frank A. Swettenham mewakili negeri Perak. Fasa ketiga tuntutan berlangsung sekitar tahun 1897 hingga 1899. George Greville sebagai ‘British Minister’ atau Menteri British di Bangkok mewakili Kerajaan British dan bertanggungjawab terus kepada FO.¹⁹ Manakala Perak diwakili oleh Sir Charles B.H. Mitchell, Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Frank A. Swettenham, Residen Jeneral NNMB. Pada fasa ini, tanggung jawab mewakili Perak telah berpindah kepada NNMB, satu entiti pentadbiran yang menyatukan empat buah negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang di bawah satu pentadbiran secara persekutuan pada tahun 1896. Di bawah NNMB, British dapat mentadbir secara lebih seragam merangkumi aspek perundangan, kewangan, keselamatan, pertahanan dan ditadbir di empat buah negeri terbabit. Fasa tuntutan keempat pula merangkumi tempoh rundingan dari tahun 1907 hingga 1909. Edward H. Strobel, penasihat hal ehwal luar Siam sebagai orang tengah antara British dan Siam. Menteri British di Siam ketika itu ialah Ralph Paget. Di pihak Perak, pegawai yang mengendali kes ini adalah Sir John Anderson, gabenor NNS/ Pesuruhjaya Tinggi NNMB.

Peranan British; Residen Perak, NNS, NNMB, CO dan FO

Antara tahun 1882 hingga 1883 British dilihat sedaya upaya menyediakan bukti-bukti yang menunjukkan kawasan utara Hulu Perak adalah hak mutlak Perak. Ini berikutnya British mula melihat kepentingan Hulu Perak dalam perkembangan politik dan ekonominya di NNM. Peranan British di peringkat ini memperlihatkan usaha pegawai-pegawai British yang ada berada di NNM. Hugh Low selaku residen Perak bertanggung jawab membawa tuntutan tersebut ke pihak atasan iaitu Frederick A. Weld; gabenor NNS di Singapura. Sungguh pun tuntutan rasmi untuk mengembalikan hak Perak secara bersurat dikemukakan oleh Raja Yusof pada 19 April 1882. Namun individu sangat memainkan peranan penting dalam kes tuntutan Perak ini adalah

residen Perak iaitu Hugh Low. Beliau melampirkan surat Raja Yusof bersama bukti sokongan iaitu laporan temubual dengan penduduk tempatan tentang sejarah awal penandaan sempadan antara Hulu Perak-Reman, hasil-hasil di kawasan pertikaian dan bukti pengambilan kawasan pertikaian oleh pihak Reman.²⁰

Tuntutan Perak ini telah disampaikan kepada Frederick A. Weld dan ia dipanjangkan kepada Lord Kimberly (John Wodehouse); Setiausaha CO di London dan kes tersebut dirujuk kepada FO di London yang diketuai oleh Lord Granville (George Leveson-Gower) memandangkan ia membabitkan persoalan sempadan antara negara. Arahan diberikan kepada pegawai FO di Bangkok iaitu W.G. Palgrave dan W.H. Newman. Palgrave telah mengajukan tuntutan tersebut kepada Putera Devawongse; setiausaha sulit Hubungan Luar Raja Rama IV; Chulalongkorn (1873-1910). Tuntutan ini menghimpunkan bukti-bukti berkenaan kewujudan sempadan asal antara Hulu Perak dan Reman. Antaranya adalah keterangan Syed Alahadin pada 4 Mac 1882 di Sayong yang menceritakan hal kewujudan sempadan lama Hulu Perak-Reman dan amalan tradisi biasa generasi terdahulu menentukan sempadan berasaskan alam semula jadi. Syed Alahadin menyebut,

The boundaries between Perak and Patani from former times to that of Sri Andika Raja Toh Broloh, were fixed from the source of the Perak River at Gunong Jambul Mrak. Now this mountain forms the division between Perak and Patani. The water that flows from the other side of the mountain enters Patani and the water from this side falls into Perak. Where the water flowed into Perak there was in former times a very large tree called Kayu Kabu Utan, and its trunk had two branches, the branch pointing towards Patani bore red flowers, and the one towards Perak bore white flowers. At the foot of this tree there is [? was] a rock split into two parts; it is called boundary stone. Of the two divisions of the rock one is white and the other red. This stone was split to serve as boundary mark...²¹

Keterangan Syed Alahaddin ini menunjukkan bahawa kawasan yang diduduki oleh orang Reman pada masa tuntutan ini dibuat dahulunya termasuk dalam wilayah Perak dengan penggunaan sungai sebagai pembahagi sempadan. Menurut Syed Alahadin tanda sempadan Hulu Perak-Reman adalah di Padang Limau Nipis dan Bukit Berapit. Bukit ini telah membahagikan sungai Reman dan Perak; masing-masing satunya mengalir ke Reman dan satu lagi mengalir ke Perak dan telah diterima sebagai sempadan dar generasi ke generasi.

Keterangan ini disokong oleh penemuan penetapan kadar upah menangkap hamba abdi yang lari mengikut jarak tempat dalam satu klausa Kod Undang-undang Perak (The Nature Code of Laws of the State of Perak) yang disebut adalah “as far as the boundary/prenggon”. Hugh Low menjelaskan bahawa tempat yang dinamakan sebagai “boundary” dalam klausa undang-undang tersebut merujuk kepada sempadan Hulu Perak-Reman iaitu Batu Belah. Laporan Maxwell pula menegaskan, “...clearly perceptible that locality intended is higher up-country than Kwala Tumungaw, just as Kwala Tumungaw is above Pangkalan Kwa and that above Kwala Rui...”. Oleh itu “The boundary mentioned is no doubt the Batu Blah or “Cloven Rock”, about which there is a local legend, that it was split by an early King of Perak, so that the water ran down in one direction to Perak and in the other to Patani”.²² Bukti-bukti yang dikumpul ini menunjukkan bahawa kawasan yang diduduki oleh Reman dahulunya adalah kepunyaan Perak. Bagaimana pun Devawongse memperlihatkan reaksi kurang senang terhadap tuntutan tersebut dan menyifatkannya sebagai satu tuduhan negatif Frederick Weld, Hugh Low dan Raja Muda Yusuf terhadap Siam sedangkan satu-satunya isu sempadan dibangkitkan kepada Siam adalah isu Krian-Kedah. Isu berkenaan Reman adalah di luar pengetahuan Siam. Namun atas sikap tolak ansur dan cuba menjaga hubungan Siam dengan British, Devawongse meminta pihak Perak menyediakan peta yang menunjukkan kawasan yang dituntut.²³

Dalam bulan Mei 1883, W.H. Newman telah menghantar tuntutan Perak secara rasmi kepada Menteri Hubungan Luar Siam iaitu Chao Phraya Bhanuwongse. Tuntutan tersebut mengandungi perkara-perkara berikut:


- i) The Perak government was claiming the whole of the Sungai Perak Basin.
- ii) For some time past, a part of the upper basin was occupied by Siam land, and its was left undisturbed by the Perak government for various reason until the present time.
- iii) The Perak government now wanted to assert its rights to the whole basin and that the government of the Straits Settlements as protecting state, considered the claim to be just.
- iv) The government of Straits Settlements wish the Siam government to inform its subjects that the whole of the Sungai Perak basin was within the territories of Perak, therefore, no Siam official was to exercise jurisdiction in the area from now on.
- v) As the encroachment was of long standing and was allowed by the Perak government, the Straits government would advise the former to make some compensation to Siam subjects area. Moreover, if any of the present inhabitants desired to remain in the territory, they would be allowed to do so and protection given.²⁴

Tuntutan tersebut menegaskan keseluruhan Lembangan Sungai Perak adalah hak Perak yang telah sekian lama diduduki oleh Siam (Reman). Kerajaan NNS sebagai negara pelindung menyokong tuntutan tersebut dan merasakan bahawa tuntutan tersebut adalah adil. Oleh yang demikian, Kerajaan NNS menuntut Siam memaklumkan kepada rakyatnya bahawa seluruh lembangan Sungai Perak berada dalam wilayah Perak dan pegawai Siam tidak lagi dibenarkan melaksanakan sebarang kawalan di kawasan tersebut. Namun memandangkan pencerobohan Reman sudah lama berlaku dan dibenarkan oleh kerajaan Perak pelbagai sebab, Kerajaan NNS menganjurkan Perak memberi pampasan kepada Siam. Manakala kebenaran dan perlindungan akan diberikan kepada penduduk kawasan yang ingin terus menetap di wilayah terbabit. Pada asasnya tuntutan Perak ke atas kawasan pertikaian bergantung kepada kesediaan pihak Siam untuk bekerjasama. Penyelesaian pertikaian memerlukan tolak ansur kedua belah pihak. Pihak Siam dilihat masih kurang jelas tentang kawasan tuntutan dalam memorandum tersebut namun bersedia melaksanakan kerja-kerja pengukuran.

Reaksi Siam tidak menghentikan usaha Hugh Low mengumpul lebih banyak bukti. Satu kaji selidik telah dilaksanakan bersama C.F. Bozziolo bagi mendapatkan maklumat daripada penduduk tempatan. Pada Ogos 1883, Low sendiri ke kawasan pertikaian menjalankan kerja-kerja mengukur sempadan bersama seorang juru ukur, Mr. George Caufield. Tujuh bulan selepas itu, Low sekali lagi ke kawasan pertikaian dengan membawa seorang juru ukur berbangsa Perancis iaitu M.de Morgan untuk memetakan sempadan di kawasan tersebut pada 21 Mac 1884. Low telah mengambil inisiatif membuat tinjauan dan menjalankan kerja-kerja pengukuran sempadan. Dapatan kajianya dilampirkan dalam surat kepada Frederick A. Weld sebagai memorandum bagi membuktikan hak Perak ke atas kawasan pertikaian.²⁵ Dalam surat yang sama, Low menegaskan bahawa pencerobohan Reman melanggar Artikel 14, Perjanjian Burney iaitu “...recall all the forces of the King of Siam from Perak, and that all districts of Perak should be returned to this state which was to remain independent under protection of England”.²⁶ Hakikatnya, Perjanjian Burney yang ditandangani pada tahun 1826 itu hanya melibatkan kepentingan British dan Siam sahaja. Oleh itu tidak hairan sekiranya Reman tidak mengambil berat berkenaan klausa perjanjian tersebut. Sementelah, pada masa perjanjian tersebut dimeterai, pentadbiran

Siam di Bangkok telah meletakkan negeri-negeri bekas jajahan Patani di bawah seliaan Songhkla. Reman pula mengambil kesempatan daripada kelonggaran cengkaman Siam bagi memperluaskan negeri dan menguasai kawasan-kawasan yang mendatangkan hasil kepada Reman iaitu bahagian utara Hulu Perak yang kaya dengan bahan galian. Low turut mengemukakan hasil kaji selidik C.F.Bozziolo; pegawai British yang bertugas sebagai Hakim Hulu Perak dan agen yang melaksanakan kaji selidik di kawasan pertikaian. Dapatan ini dianggap penting kerana mewakili suara penduduk yang mengharapkan persempadanan semula dilaksanakan. Bozziolo melaporkan bahawa “...the people there look upon the boundary question as quite unsettled, and fully anticipate that it may some day be opened up to discussion with a view to its rectification on the former basis.”²⁷ Low menganggap British bertanggungjawab menyelesaikan pertikaian sempadan tersebut kerana Perak adalah negeri protektoratnya dan perlu memenuhi hasrat penduduk di kawasan pertikaian.

Peta 2: Kawasan Yang Dituntut Perak Pada Tahun 1882



Sumber: CO 273/241/23399, Perak-Raman Boundary, hlm.185.

Sehingga Januari 1884, walaupun kerja-kerja pengukuran dan pemetaan kawasan oleh pihak Siam tidak selesai sepenuhnya tetapi Bhanuwongse tetap menyangkal keluasan kawasan yang dituntut oleh Perak. Jumlah keluasan ini dilihat tidak berpadanan dengan keluasan yang telah diambil oleh Reman.²⁸ Kawasan pertikaian yang dituntut berkeluasan 1300 batu persegi; kira-kira 2/3 keluasan negeri Reman.²⁹ Bhanuwongse menegaskan Siam akan tetap mempertahankan wilayahnya atas alasan penduduk Reman sendiri tidak pernah mengetahui kewujudan sempadan selain sempadan yang sedia ada ketika itu. Menurut Bhanuwongse:

"The present boundary marks are very clear and appropriate. Chiefs of them are, the mountain Gunong Enas, 7000 feet high said to have been agreed on as a boundary mark in the year 1050 of the Hejira (A.D. 1588) by Datoh Purapoh, of Patani, Datoh Simong, of Kedah, and Datoh Parali, of Perak; and the rapids, Jugang Panjang, or Batu Barala Puyo, at the mountain gorge, where the Balom River breaks through a chain of mountains are becomes the Perak River".³⁰

Bhanuwongse menegaskan tanda sempadan yang sedia ada pada ketika itu adalah sangat jelas dan sesuai. Gunung Inas yang bertinggian 7000 kaki dipersejui sebagai tanda sempadan oleh ketua-ketua tempatan dari Kedah, Patani dan Perak.³¹ Bhanuwongse menegaskan juga pegawai-pegawai yang dihantar ke Reman untuk menjalankan kerja-kerja menyelidik, mengukur dan memetakan kawasan juga tidak menemui apa-apa maklumat berkenaan pencerobohan kawasan pertikaian oleh pihak Reman. Siam menolak tuntutan Perak dan berpendirian, "...there has been no alteration in favour of Siam, but all against Siam".³² Dengan pendirian Siam itu, British terpaksa mencari jalan penyelesaian dengan membawa masalah sempadan ini ke meja rundingan.

Di pihak FO, Satow memainkan peranan yang penting selepas mengambil alih tugas Konsul Jeneral British di Bangkok menggantikan Palgrave. Pendirian Siam yang bertegas tidak mahu menyerahkan wilayahnya dengan sewenang-wenangnya telah menjadikan Satow lebih berhati-hati dalam mengetengahkan persoalan berkaitan kawasan pertikaian apabila berhadapan dengan Siam. Satow bimbang jika sekiranya sokongan yang berlebihan kepada Perak akan menjejaskan keyakinan Siam terhadap British. Sehubungan itu, dalam apa juga tindakannya, Satow lebih cuba bersikap adil dengan bertindak sebagai orang tengah antara Siam dan Perak. Ketelitian Satow terhadap memorandum tuntutan Hugh Low memberi interpretasi yang cukup jelas tentang pendirian FO yang cuba menjaga hubungan diplomatik dengan Siam. Satow menggariskan beberapa kelemahan tuntutan iaitu kenyataan Hugh Low yang tidak konsisten tentang pencerobohan Reman, penggunaan Perjanjian Burney sebagai asas campur tangan British dan keperluan kepada bukti-bukti maujud seperti peta dan pengukuran kawasan.

Sehubungan itu, Hugh Low sekali lagi menghantar memorandum pada 20 Oktober 1884 menjelaskan lokasi kawasan yang dituntut iaitu meliputi seluruh legeh Sungai Perak selepas Jeram Panjang. Low juga menegaskan sempadan Hulu Perak-Reman telah diperluaskan ke selatan Perak, pihak Reman telah memasuki daerah Hulu Perak sebanyak tiga kali. Pencerobohan terakhir berlaku dalam tempoh lebih kurang dua puluh tahun sebelum tarikh memorandum ditulis. Low mendakwa dengan melancarkan serangan dan perluasan kuasa di utara Hulu Perak menunjukkan Raja Reman menyedari dan mengetahui bahawa Reman tidak ada hak ke atas kawasan pertikaian. Memorandum yang dikemukakan oleh Hugh Low ini turut disertakan dengan bukti-bukti yang menyokong tuntutan. Bukti-bukti tersebut terdiri daripada laporan Mr. D. Daly, A.E.H. Anson, C.F. Bozziolo, kenyataan Raja Idris dan kenyataan

penduduk tempatan berkaitan maklumat kawasan pertikaian. Low bukan sahaja berperanan mencari bukti latar belakang pencerobohan Reman tetapi juga membuat tinjauan meliputi aktiviti ekonomi yang dijalankan di kawasan pertikaian. Bukti-bukti ini dinyatakan oleh pihak Kedutaan Siam di London sebagai "...the historical portion of it [memorandum Sir Hugh Low] consists mainly of records drawn up from contemporaneous reports...there are statements of living witnesses, some of whom speech from recollection and personal knowledge, and others from knowledge they have acquired indirectly."³³

Hugh Low turut membuat anggaran pendapatan pemerintah Reman dan pemimpin-pemimpin bawahannya sebagai persediaan British sekiranya tuntutan ganti rugi dimajukan seperti yang disarankan oleh Kerajaan NNS dalam memorandum pertama.³⁴ Tinjauan Low ini bertujuan memenuhi keperluan para lima dalam memorandum W.H.Newman kepada Siam yang menjanjikan "...the Government of the Straits Settlements is ready to advise the Government of Perak to make reasonable compensation to individuals for such valuable interests..."³⁵

Frederick A. Weld dan Hugh Low bertindak membawa Raja Idris ke London pada pertengahan tahun 1884 untuk perbincangan bersemuka dengan wakil Siam di London iaitu *Krommamuen Nares Varariddhi*.³⁶ Bagaimana pun rundingan tidak rasmi antara Low dan Nares tidak berjaya walaupun Low mencadangkan beberapa solusi iaitu pampasan penyerahan wilayah tuntutan Perak kepada pemerintah Reman, gabenor Singgora dan Siam sebagai bayaran ganti rugi. Masing-masing berjumlah 30,000 dolar, 10,000 dolar dan 80,000 dolar.³⁷ Sungguh pun kawasan yang dituntut adalah milik Perak tetapi British cuba bertolak ansur dan mengamalkan situasi menang-menang antara Perak dan pihak yang dituntut. Cadangan Low ini dipersetujui oleh Frederick Weld dan mengesyorkan pembayaran dibuat secara berperingkat iaitu pertama semasa proses menandatangani perjanjian dan bayaran kedua, 18 bulan selepas tarikh perjanjian.³⁸ Bagaimanapun cadangan penyelesaian ini tidak dipersetujui oleh Nares dan meminta penangguhan rundingan. Nares menganggap bukti yang dikemukakan oleh Low dalam memorandumnya adalah '*hearsay evidence*' yang boleh dipertikaikan kesahihannya.³⁹ FO mewakili Britain telah mengambil langkah menangguhkan perbincangan berhubung tuntutan Perak itu ke suatu masa yang tidak dapat dipastikan dan perlu dipatuhi.⁴⁰ Kehadiran Raja Idris tidak langsung memberi berfungsi kerana perbincangan hanya melibatkan wakil British dan Siam sahaja.⁴¹ Di sini peranan FO dapat dilihat berusaha tidak mengeruhkan keadaan. Ketegangan antara wakil Perak dan Siam diredakan dengan penangguhan perbincangan. Ia satu sikap yang berbeza dengan pegawai CO British yang lebih bersifat menggesa dan mahu tuntutan Perak diselesaikan dengan segera.

Hugh Low dengan sokongan Frederick A.Weld tetap meneruskan tuntutan untuk mendapatkan kawasan pertikaian. Kali ini Low menggunakan aduan berkaitan kes-kes jenayah di kawasan pertikaian bagi menekan pihak FO mempercepatkan urusan penyelesaian tuntutan.⁴² Selain itu dalam surat bertarikh 3 April 1886, Weld mengadu kepada Lord Granville berkaitan penindasan yang berlaku di kawasan pertikaian sehingga mendorong penduduk ingin berada di bawah pentadbiran Perak. Bahkan sekiranya kawasan pertikaian tidak diberikan kepada Perak, mereka [penduduk kawasan pertikaian] bersedia untuk berpindah ke Perak.⁴³ Aduan ini berjaya mempengaruhi CO di London. Atas arahan Granville, Satow tidak dibenarkan mengambil sebarang tindakan berkaitan kawasan pertikaian. Arahan ini dipanjangkan kepada FO melalui surat R. Herbert kepada P.Currie.⁴⁴ Ianya berkuatkuasa ke atas Satow melalui surat Earl Roseberry bertarikh 25 Mei 1886 sehingga diberi arahan seterusnya.⁴⁵

Pada pertengahan Mei 1886, isu sempadan Reman-Perak sekali lagi dibangkitkan oleh Frank A. Swettenham kepada Kedutaan Siam di London. Swettenham telah dilantik oleh Weld dengan persetujuan Low bagi mewakili Perak dalam sebarang perkara berkaitan kawasan pertikaian “...in the same manner as was done by Sir Hugh Low” sepanjang Swettenham berada di London.⁴⁶ Dalam perbincangannya dengan Mr. Verney, wakil Kedutaan Siam di London, dua cara untuk menyelesaikan isu tuntutan Perak telah dicadangkan. Pertama, membeli kawasan pertikaian daripada Siam atau kedua, British mentadbir kawasan pertikaian dalam tempoh yang dipersetujui oleh kedua belah pihak. Penyelesaian kedua dilihat lebih relevan berbanding cara pertama yang jelas bertentangan dengan prinsip Siam yang tidak mudah menyerahkan kawasan di bawah pentadbiran wakilnya. Swettenham mengambil kesempatan mengadakan perbincangan berkaitan dua cadangan penyelesaian tersebut semasa Devawongse datang ke London. Beberapa perbincangan juga diadakan antara Swettenham dan Satow bagi menggubal draf protokol untuk dibincangkan dengan Devawongse. Dalam perbincangan tersebut Swettenham menegaskan hak Siam ke atas kawasan pertikaian hanya diiktiraf sekiranya pentadbiran ke atas wilayah ini diserahkan kepada Perak. Dalam kata lain, British sedia memberikan kawasan tuntutan kepada Siam asalkan diberi kuasa mentadbir wilayah tersebut. Pentadbiran sementara dilihat membuka ruang kepada British menjalankan misi meluaskan kuasa dengan lebih agresif. Idea ini disambut baik oleh Weld tetapi kurang dipersetujui oleh Satow. Tambahan pula dalam surat Weld kepada Satow memperlihatkan niat Weld secara terang-terangan untuk mengusir Perancis dengan memberi tekanan kepada Siam. Bagaimana pun atas arahan FO, Satow perlu membuat rundingan dengan wakil Siam walau pun tidak bersetuju dengan idea Perak mentadbir sementara selama 20 tahun ke atas kawasan pertikaian dan pembayaran satu per sepuluh daripada hasil tahunan kepada pemerintah Reman dan gabenor Singgora. Pihak Siam tetap tidak berganjak dan menolak cadangan tersebut. Penyelesaian berkaitan kawasan pertikaian masih tidak diputuskan.

Pada tahun 1897, British dan Siam telah menandatangani satu konvensyen rahsia bertujuan menjamin kedaulatan Siam di bahagian selatan negara Siam. Kebimbangan terhadap pakatan sulit British-Perancis 1896 telah memaksa Siam menerima cadangan British untuk menandatangani konvensyen rahsia tersebut. Pihak CO telah mengarahkan pegawai-pegawaiannya di NNM mengemukakan sebarang ‘commercial concession’ yang mempunyai hubung kait dengan Siam dan menguntungkan pihak British.⁴⁷ Kesempatan ini diambil oleh Frank A. Swettenham, Residen Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) untuk mengemukakan semula fail kes tuntutan Perak yang tertangguh selepas hampir dua belas tahun tanpa penyelesaian.⁴⁸ Penangguhan kes tuntutan Perak sebelum ini adalah rentetan daripada pendirian Siam yang tidak mudah melepaskan mana-mana wilayah di bawahnya. Fail tuntutan Perak ini kemudian dikemukakan oleh Mitchell kepada Menteri British di Bangkok iaitu George Greville dan kemudiannya dipanjangkan kepada Lord of Salisbury; Setiausaha, Hubungan Luar British merangkap Perdana Menteri United Kingdom ketika itu.⁴⁹ Lord of Salisbury menunjukkan respon yang positif dan menyokong usaha tersebut. Beliau mengarahkan Greville memujuk Putera Devawongse menyelesaikan masalah tuntutan yang tertangguh sejak 1885.⁵⁰ Devawongse menolak dengan alasan perlu mendapatkan persetujuan Raja Siam (Chulalongkorn) yang berada di Eropah terlebih dahulu.⁵¹ Greville melihat alasan penolakan ini hanya satu alasan Siam tidak mahu kehilangan kawasan pertikaian.⁵² Keengganannya Siam ini telah mendorong Joseph Chamberlain; Setiausaha CO mengarahkan Mitchell dan Swettenham ke Bangkok untuk berunding secara bersemuka dengan Chulalongkorn dan wakil Siam. Terlebih dahulu Mitchell meminta kerjasama Greville merisik pendirian Chulalongkorn terhadap cadangan rundingan

tersebut.


Devawongse mengusulkan seorang duta dilantik bagi menguruskan Mitchell dan Swettenham melalui prosedur diplomatik tetapi lawatan tersebut ditunda dengan alasan Chulalongkorn terpaksa menerima kunjungan Putera Henry dari Prussia. Selepas itu Greville dengan bantuan Menteri Russia di Bangkok berikhtiar mengatur semula lawatan kerja bagi Mitchell dan Swettenham. Bagaimana pun Chulalongkorn tetap berkeras tidak mahu memberi sebarang jaminan untuk menyelesaikan tuntutan Perak memandangkan “...he [King of Siam] felt that he had justice on his side and could neither cede nor lease the disputed territory” dan Chulalongkorn juga berpendapat “...if he [King of Siam] did so[give any one-sided assurance] he would be obliged to agree to any compromise which might be proposed”.⁵³ Sehubungan itu dalam surat bertarikh 26 Februari 1899, Greville mensyorkan kepada Lord Salisbury supaya meminta Mitchell mencadangkan ‘a basis of negotiations’. Greville dipertanggungjawabkan oleh Lucas dan Bertie, Setiausaha Rendah CO dan FO untuk mengusahakan satu lagi rundingan berkaitan kes tuntutan Perak itu. Swettenham pula telah mengambil inisiatif sendiri dengan mengadakan rundingan bersama residen Perak dan Mr. Bozzio, hakim dan pegawai daerah Hulu Perak. Satu persetujuan dicapai di kalangan mereka sekiranya tuntutan penuh tidak diterima iaitu ‘the whole territory drained by the Perak River and its tributaries’ maka alternatif lain perlu dikemukakan iaitu, garis sempadan X, C, D, E atau yang ditanda merah A, B, C, D, E atau A’, B’,...C, D, E di dalam peta yang dilampirkan oleh Swettenham. Namun sekiranya pihak Siam masih tidak bersetuju, Swettenham menasihati supaya Greville ‘leave the question unsettled for interests of Perak Government’. Swettenham berpendapat, “the rectification of the boundary, even in accordance with the wishes of the Sultan and Chiefs of Perak, is of small importance as compared with the loss of the British influence in Tringanu [Terengganu] and Kelantan and the tightening of Siamese control in those places”.⁵⁴

Tindakan dan kenyataan Swettenham ini menunjukkan bahawa pihaknya sudah berusaha sehabis daya mendapatkan kawasan pertikaian. Konvensyen Rahsia British-Siam 1897 ini juga bolehlah dianggap sebagai satu usaha FO untuk menjamin kedudukan British di Tanah Melayu dalam masa yang sama berniat menjernihkan kekeruhan hubungannya dengan Siam. Strategi diplomatik FO ini tidak diketahui oleh pihak British di NNM. Justeru, pegawai-pegawai CO di NNM berterusan memberi tekanan kepada Siam supaya menghentikan pengaruhnya ke atas NNM di bahagian utara Semenanjung termasuklah di kawasan yang menjadi pertikaian iaitu Hulu Perak-Reman. CO pada dasarnya sudah pun berjaya menghalang pengaruh Siam dan kuasa-kuasa barat yang lain daripada menghampiri koloni British di NNM melalui Konvensyen Rahsia 1897. Antara syarat-syarat perjanjian sulit tersebut ialah Siam tidak akan menyerahkan Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis kepada mana-mana kuasa lain tanpa izin British, British mengakui hak Siam ke atas negeri-negeri tersebut dan kesanggupan British membantu Siam jika diserang musuh. Tetapi oleh kerana ianya diadakan secara sulit tanpa pengetahuan pemerintah tempatan maka keadaan ini menimbulkan curiga di pihak Siam. Siam mensyaki wujud satu pakatan sulit di antara British dan sultan-sultan negeri terbabit. Oleh itu untuk menghapuskan keimbangan, Siam akhirnya bersetuju menerima usul British untuk berunding seterusnya menandatangani satu lagi perjanjian dengan pihak British iaitu Perjanjian Sempadan. Perjanjian Sempadan ditandatangani pada 29 November 1899 di Bangkok. British diwakili oleh Greville dan Siam diwakili oleh Devawongse. Antara persetujuan yang dicapai adalah penyelesaian tuntutan Perak. Persetujuan dicapai menetapkan garis sempadan Hulu Perak dan Reman pada kedudukan berikut:

- i) Garis lurus dari Bintang ke Kendrong, (dari B ke C)
- ii) Garis lurus dari Kendrong ke Sungai Rui, lebih kurang empat batu dari kualanya, (C ke D)
- iii) Dari D, garisan lurus berhampiran Sungai Perak dengan Jeram Pulai (E) ke Utara Sengo,
- iv) Garisan ke Utara Sungai Sengo ke ibu legeh (dari E ke F).⁵⁵

Lebih kurang 1000 batu persegi kawasan pertikaian telah dimasukkan ke dalam daerah Hulu Perak. Sebuah suruhanjaya bersama Perak-Siam ditubuhkan untuk kerja-kerja penandaan sempadan.

Peta 3: Sempadan Hulu Perak-Reman 1899



Sumber : Haji Mior Ahmad Noor bin Mior Hamzah, ‘Proses Pembentukan Sempadan Malaysia Thailand’ Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995, hlm.220.

Perjanjian Sempadan 1899 telah memperjelaskan lagi wilayah penguasaan British dan Siam di NNM tetapi menamatkan usaha-usaha British untuk mendapatkan sepenuhnya kawasan pertikaian sebagaimana tuntutan awal Perak yang telah dikemukakan secara rasmi kepada Siam pada 1885. Tuntutan Perak terdahulu meliputi kawasan seluas 2300 batu persegi. Kedua-dua kuasa besar; British dan Siam sebenarnya masih belum berpuas hati berhubung hak-hak penguasaan yang diperolehi masing-masing dalam Perjanjian Sempadan 1899.⁵⁶ Frank Swettenham misalnya seolah-olah tidak bersetuju dengan isi-isi Perjanjian Sempadan yang jelas mengiktiraf kedaulatan Siam di Negeri-negeri Melayu Utara. Baginya perjanjian tersebut akan menghalang dasar perluasan kuasa British ke utara negeri-negeri Melayu hingga ke Segenting Kra khususnya negeri-negeri Melayu Patani.⁵⁷

Di pihak Siam, Edward H. Strobel sebagai penasihat hal ehwal luar Siam mendapati ketiga-tiga negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu tidak mempunyai nilai yang besar kepada Siam di samping kesukaran untuk ditadbir dari Bangkok. Sehubungan itu bagi Stroble, tindakan Siam menyimpan negeri-negeri tersebut di bawahnya hanya akan membebankan Siam kelak. Oleh yang demikian Strobel menawarkan diri untuk merunding semula Perjanjian Sempadan. Tawaran ini disampaikan kepada Ralph Paget, Menteri British di Bangkok dalam surat bertarikh 1 Julai 1907 merangkumi beberapa perkara iaitu pemansuhan Konvensyen Sulit 1897, pengembalian hak wilayah asingan dan pinjaman bagi pembinaan landasan kereta api di Siam.⁵⁸ FO telah memaklumkan Becket kesediaan Britain “...to enter upon negotiations for the gradual surrender of British jurisdiction in Siam, with certain safeguards on these lives”.⁵⁹ Kesediaan British menurunkan kadar faedah pinjaman bagi membiayai landasan keretapi di Siam seperti yang diminta oleh Strobel menunjukkan usaha pihak British untuk mendapatkan NNM Utara adalah serius.


Strobel meninggal dunia pada 15 Januari 1908 dan tugasnya diambil alih oleh Westengard.⁶⁰ Pada 25 Januari 1908, satu perbincangan antara Paget dengan Westengard telah diadakan untuk meneliti perkara-perkara utama perjanjian. Dalam perbincangan tersebut, Paget meminta Pulau Langkawi dan Legeh Sungai Perak di Reman bagi menggantikan permintaannya terhadap Setul yang ditolak sebelum itu. Permintaan Paget disampaikan oleh Westengard kepada Chulalongkorn dan Putera Damrong. Sebulan selepas itu, draf protokol Perjanjian Anglo-Siam telah disiapkan dengan mengandungi 9 artikel.⁶¹

Penetapan Sempadan Hulu Perak-Reman.

Pada 10 Mac 1909, Perjanjian British-Siam secara rasminya ditandatangani oleh Ralph Paget dan Putera Devawongse Varoprakar. Tuntutan Perak selesai selepas 27 tahun dari tuntutan ini diajukan pada tahun 1882 dimasukkan secara langsung dalam fasil 1 perjanjian iaitu “The Siamese government transfers to the British government all rights of suzerainty, protection, administration and control whatsoever which they possess over the states of Kelantan, Tringganu, Kedah, Perlis, and adjacent islands. The frontiers of these territories are defined by the boundary protocol annexed hereto.” Jumlah keluasan Reman yang diserahkan kepada Perak adalah 1344 batu persegi berbanding 2300 batu persegi yang dituntut.⁶² Garis sempadan yang sedia ada telah diperbaharui. Sempadan yang terperinci mengenai sempadan Hulu Perak-Reman ialah seperti berikut:


“...From Gunong Lang in a south-easterly direction along Bukit Peringgan, forming the Watershed between the Kapas and Sama Gaga rivers, to Bukit Berapit on the cart-road; thence along the same ridge, here known as Dan Petai, to the pass between Sungai Agam and Sungai Tualang; thence its continues along the same ridge, dividing the streams flowing into Kwa and Berchang rivers, which ridges curve gradually to north east, and divides the rivers flowing into the Lanka Suka and Panei rivers, to Berapit Bukit Bertam, between the Chinaha and Bunga rivers; thence along the same ridge, here known as Dan Titi Basa, dividing the rivers flowing into the Perak and Halar rivers to Berapit Bukit Langsat between the Kijar and Halar rivers; thence along the same ridge, here known as Dan Bukit Keting, to Berapit Luar Lantei between the Meroh and Klesyi rivers; thence along the same ridge, which here curves to the south and divides the rivers falling into Perak and Telubin rivers, to Berapit Kaho between the Kaho and Timun rivers; thence along the same ridge to Berapit Panchor between Panchor and Gua Mas rivers; and thence along the same ridge to a spot which divides the streams flowing into tha Tado and Perak rivers.”⁶³

Peta 4: Sempadan British-Siam Sebelum Perjanjian Anglo-Siam 1909



Sumber : CO700/Straits Settlements61

Peta 5: Sempadan Baru Membabitkan Reman-Perak Mengikut Perjanjian British-Siam, 10 Mac 1909



Sumber: ‘Treaties Series No.19’,
<http://www.fco.gov.uk/resources/en/pdf/treaties/TS1/1909/19>

Kesimpulan

Campur tangan British memperlihatkan usaha dan peranan British mendapatkan kembali kawasan pertikaian dalam satu tempoh yang cukup lama iaitu 27 tahun (1882-1909). Strategi digunakan oleh pihak British menunjukkan pendekatan yang jelas berbeza antara pihak CO dan FO. Pihak CO lebih konsisten membuat tuntutan secara agresif melalui pelbagai cara seperti surat menyurat, rundingan, ugutan dan aduan berbanding FO yang lebih kepada tolak ansur dan pelan inisiatif perjanjian yang bersifat menang-menang. Pihak Siam dilihat mengambil sikap tegas dalam

perundingan membabitkan kawasan kekuasaannya termasuk berkaitan sempadan Hulu Perak-Reman. Kesediaan Siam memberikan tuntutan British ke atas Reman hanyalah selepas syarat bantuan pinjaman dipenuhi oleh British. Kedua belah pihak tidak mengambil kira pandangan pemerintah tempatan bahkan persetujuan-persetujuan yang dicapai menerusi rundingan adalah atas kapasiti kepentingan masing-masing.

Tuntutan Perak akhirnya berjaya diselesaikan dan sempadan Hulu Perak-Reman ditetapkan melalui perjanjian bertulis, kemudian diukur dan tanda peta mengikut konsep sempadan yang digunakan oleh British. Sempadan baru yang dipersekutui tidaklah menguntungkan semua pihak melainkan pihak British dan Siam sahaja sejajar dengan objektif keduanya yang mahu mengekalkan kelangsungan kuasa mereka di rantau Asia Tenggara.

Nota

***Shuwaibah binti Rasidi** merupakan kakitangan akademik di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh dan merupakan calon Ph.D di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

** **Profesor Dr Shakila Yacob** merupakan pengarah Eksekutif Institut Antarabangsa Dasar & Pengurusan Awam (INPUMA), Universiti Malaya. Beliau juga merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya.

¹ Wan Hashim Wan Teh, “Pendahuluan” dalam Wan Hashim Wan Teh dan Daniel Parret (penyusun), *Di Sekitar Konsep Negeri*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Kedutaan Besar Perancis di Malaysia, 1999, hlm. xx.

² David Lee, Historical Survey of Borders in Southeast Asia dlm. Clad, James; McDonald, Sean M; Vaughn, Bruce (ed.), *The Borderlands of Southeast Asia: Geopolitics, Terrorism, and Globalization*, Washington, DC., National Defense University Press, 2011, hlm. 59.

³ Ahmad Jaffri bin Ahmad Zaini & Mohd bin Samsudin, Perkembangan Sistem Pentadbiran Persekutuan Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, *Journal of Social Sciences and Humanities*, UKM, Vol. 16. No.9 (133-155).hlm.135.

⁴ Semasa Tun Saban menjadi ketua di Belum, kebanyakan kawasan Hulu Perak masih lagi dipenuhi hutan belantara, manakala negeri Perak pula ketika itu walaupun sudah ramai penduduknya tetapi masih belum mempunyai raja. Haji Buyong Adil, Sejarah Perak, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981, hlm.6. Sultan Perak yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah telah menganugerahkan kawasan Temong hingga ke utara Hulu Perak kepada Tok Temong dan Tun Saban. Waris kepada Tun Saban dianugerahkan gelaran Sri Adika Raja iaitu antara gelaran Pembesar Delapan di Perak dan diberi daerah kekuasaan bahagian Hulu Perak untuk ditadbir. Semasa Hulu Perak di bawah Sri Adika Raja ini, kawasan Hulu Perak diancam oleh kemaraan orang Reman yang bersempadan.

⁵ Reman juga dikenali sebagai Rahman atau Rhaman.

⁶ Pada masa ini Hulu Perak terdiri daripada tiga buah daerah kecil iaitu Gerik, Pengkalan Hulu dan Lenggong. Sebanyak sepuluh buah mukim berada di dalamnya iaitu Gerik, Kerunai, Kenering, Temengor, Belum, Pengkalan Hulu, Belukar Semang, Lenggong, Temelong dan Durian Pipit. Hampir kesemua kawasan ini mukim ini sebenarnya mempunyai perhubungan dengan negeri Reman (Siam) satu ketika dahulu dan diperolehi semula oleh Perak melalui campur tangan British.

⁷ Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 2005, hlm. 13.

⁸Azmi Mohamad dalam kajiannya menyebut tarikh perlantikan Carlo Fernando Bazziolo sebagai Pemungut Cukai dan Hakim Daerah Hulu Perak pada 1 Januari 1885 ketika pusat pentadbiran telah berada di Janing. Mengambil kira sumber lain yang menyebut pembukaan Janing sebagai pusat pentadbiran Hulu Perak adalah sekitar tahun 1886, maka tarikh perlantikan 1 Januari 1888 adalah lebih relevan. Azmi Mohamad, ‘Hubert Berkeley: Pentadbir British Yang Berjaya di Hulu Perak 1907-1926’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86, hlm. 6

⁹W. Cameron, ‘On The Patani’, *Journal of Straits Branch of The Royal Asiatic Society*, June, 1883, hlm. 123.

¹⁰ Tujuh buah negeri Patani tersebut adalah Patani,Nong Cik,Reman,Jalur,Teluban,Legeh dan Jering. Mohd Zamperi A. Malek, Patani dalam Tamadun Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

¹¹ Perlombongan bijih timah menjadi antara punca utama orang Reman sentiasa berusaha menguasai

kawasan Hulu Perak sehingga kadang kala mengundang perang sempadan kecil (*petty border warfare*). W.E. Maxwell, ‘A Journey on Foot to the Petani Frontier’, *Journal of Straits Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol.9, 1882, hlm. 36-37.

¹² Reman merupakan negeri yang terkaya dan pembekal bahan galian utama di kalangan tujuh negeri Patani yang dipecahkan oleh Siam. Sekitar 1835 hingga 1836 sahaja, jumlah eksport bahan galian daripada Reman ke Singapura dianggarkan berjumlah \$308,990.00 datang dari Reman dan negeri-negeri pantai timur yang lain. Mohd Zamperi A. Malek, *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*, Shah Alam, Selangor :Penerbit Hizbi, 1993, hlm.118.

¹³ Persoalan sempadan pertama kali dibangkitkan oleh Sultan Abdul Malek Mansor Shah (1806-1818) menyedari kedudukan kawasan perlombongan di Hulu Perak berhadapan dengan ancaman Reman dan bakal menggugat kuasa baginda. Kebimbangan ini mendorong baginda menghantar surat aduan berhubung pencerobohan orang Reman ke kawasan perlombongan di Hulu Perak kepada Sultan Kedah iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1797-1843) namun tidak diendahkan. Pencerobohan ini dianggap “the first historical mention” oleh Hugh Low. Sempadan Hulu Perak-Reman berubah apabila Raja Reman Tuan Nik Toh Leh menguasai Hulu Perak termasuk Klian Intan. Perubahan sempadan ini bagaimana pun masih kurang diberi perhatian oleh Kerajaan Perak memandangkan Perak sedang berhadapan ancaman luaran.

¹⁴ Raja Yusof kepada Hugh Low, CO 422/8.

¹⁵ Terdapat faktor lain yang mempengaruhi kesanggupan British campur tangan dalam tuntutan wilayah oleh Perak ini. Hulu Perak sebelum ini agak asing bagi British mula dilihat sebagai satu kawasan baru yang perlu diterokai. Selain kaya dengan bijih timah, gajah dan hasil hutan, Hulu Perak juga menyediakan jalan laluan baru bagi perkembangan ekonomi Perak. Haji Mior Ahmad Noor bin Mior Hamzah, ‘Proses Pembentukan Sempadan Malaysia Thailand’ Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 201-202.

¹⁶ FO 422/8, Mr. Lister kepada Mr. Meade, 5 Disember 1882.

¹⁷ FO 422/8, Mr. Meade kepada Mr. Lister, 26 Disember 1882.

¹⁸ Haji Mior Ahmad Noor bin Mior Hamzah, ‘Proses Pembentukan Sempadan Malaysia Thailand’, hlm. 202-203.

¹⁹ Jawatan ini sebelumnya dikenali sebagai Jeneral Konsul.

²⁰ Kenyataan oleh Syed Alahadin sebagai lampiran 4 dalam No. 1, hlm. 3-4. Lihat surat Mr. Meade kepada Sir J. Pauncefote, Julai, 1882, FO 422/8. hlm. 3-4.

²¹ Ibid.

²² Mr. Maxwell kepada Sir Hugh Low, 1 Jun 1882, FO 422/8, hlm. 4-5.

²³ Lampiran surat Devawongse kepada Palgrave, 16 Oktober 1882 dalam surat Palgrave kepada Granville, 20 Oktober 1882 (No. 75), FO. 69/81.

²⁴ Memorandum oleh Mr. Newman, Lampiran 1 dalam No.8 dalam surat Mr. Newman kepada Earl Granville, 13 Jun 1883, FO 422/8. Lihat juga Chayachoke Chulasiriwongs, ‘Thai-British Relations Concerning The Southern Malay States, 1880-1899’, Thesis Ph.D, College of Arts and Sciences, Ohio University, Ohio, 1980, hlm. 132.

²⁵ Frederick Aloysius Weld GCMG (1823-1891) dilahirkan di Dorset, England. Beliau pernah terlibat secara serius dalam politik New Zealand sebagai Menteri Hubungan Masyarakat Asli (Minister for Native Affairs) dengan menggunakan motto “*At all risks be just, at all risks be firm*”. Lihat Lampiran 1 dalam. No.1 Surat Sir Frederick Weld kepada Earl of Derby, 12 Mac 1885, FO 422/9. Dalam tempoh perkhidmatan beliau, Weld dilihat antara pegawai British yang giat menjalankan usaha-usaha kolonialisasi. Ianya [kolonialisasi] bukanlah sesuatu yang sukar bagi Weld kerana Weld sendiri mempunyai pengalaman yang banyak berkaitan masyarakat tempatan di kebanyakan tempat yang memudahkan usaha pelaksanaan kolonialisasinya

²⁶ Lihat Lampiran 2 dalam No. 1, Mr. Meade kepada Sir J. Pauncefote, 26 Julai 1882, FO 422/8.

²⁷ Ibid.

²⁸ J.M.Gullick, The Elephants of Syed Zain, *Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol.59, Part 1, 1986, hlm. 116.

²⁹ Surat Mr. Newman kepada Earl Granville, 24 Januari 1884, FO 422/8.

³⁰ Ibid.

³¹ Ibid.

³² Ibid.

³³ Memorandum on Reman-Perak Boundary Claim bertarikh September 1885, Surat Prince Nares Varariddhi kepada Marquis of Salisbury, 30 September 1885, FO 422/9.

³⁴ Aktiviti import dan eksport bijih timah di lombong Klian Intan dan Klian Indah sahaja mencécah 20,000 dolar setahun menjadi antara punca pendapatan raja Reman dan pemimpin bawahannya. Berdasarkan anggaran tersebut, Low melihat kemungkinan raja Reman dan pemimpin bawahannya

akan meminta ganti rugi kerana kehilangan punca pendapatan mereka di samping ganti rugi akibat kehilangan hamba yang berjumlah antara lima ratus hingga enam ratus orang, tempat berburu gajah, rumah-rumah dan binaan yang akan menjadi hak Perak jika tuntutan tersebut berjaya.

³⁵Memorandum Newman kepada Siam, 13 Jun 1883, FO 422/8.

³⁶ Sir Frederick Weld kepada Mr. Satow, 24 Februari 1886 (Lampiran No.2 dalam No.3),FO 422/10. Krommamuen Nares Varariddhi merupakan saudara tiri Raja Rama IV; Chulalongkorn. Nares dilantik sebagai wakil Siam di London dalam usaha Chulalongkorn mengurangkan kuasa golongan ‘*khunnang*’ yang selama ini memonopoli kuasa pentadbiran negara Siam. Golongan ‘*khunnang*’ telah diwujudkan pada dekad terakhir zaman Ayudhya sebagai satu institusi penting dalam strata pemerintahan di Siam. Ianya berasaskan sistem ‘*sakdi na*’ (power over fields). Menurut Charles F. Keyes, ‘*sakdi na*’ adalah “*degress of dignity or rank...giving right to rule over certain grants of land*” yang mana status atau kedudukan seseorang ditunjukkan dengan jumlah tanah yang dimiliki. Pemilikan tanah juga boleh dianggap sebagai kayu ukur social dalam hubungan masyarakat Siam yang terdiri daripada Nai, Pharai dan That. Lihat Charles F. Keyes, *Thailand: Buddhist Kingdom as Modern Nation State*, London: Westview, Boulder and London, 1987, hlm.30. Semasa pemerintahan Chulalongkorn, golongan ‘*khunnang*’ yang mempunyai banyak pengaruh adalah terdiri daripada keluarga Bunnang. Justeru, Chulalongkorn menggunakan alasan reformasi pentadbiran bagi mengurangkan kuasa keluarga Bunnang

³⁷ Pembayaran kepada Singgora diambil kira oleh Low kerana Siam telah meletakkan Reman di bawah pengawasan Singgora selepas pemecahan Patani kepada tujuh negeri kecil pada tahun 1814.

³⁸ Sir. R. Herbert kepada Mr. Currie, 28 November 1885, FO 422/9.

³⁹ Memorandum on Reman-Perak Boundary Claim bertarikh September 1885, Surat Prince Nares Varariddhi kepada Marquis of Salisbury, 30 September 1885, FO 422/9.

⁴⁰ Perak-Raman Boundary, CO 273/241/23399, hlm.155.

⁴¹ Raja Idris merupakan kerabat diraja Perak. Baginda memegang jawatan sebagai hakim negeri Perak. Kedatangannya ke London selain menyertai proses rundingan tuntutan, turut menjadi wakil Sultan Perak mengambil semula mengambil balik alat-alat kebesaran kerajaan Perak yang dibawa oleh British untuk disimpan selepas Perang Perak (1875 -1876). Baginda kemudiannya ditabalkan menjadi Sultan Perak ke 28 pada tahun 1887 menggantikan Almarhum Sultan Yusuf.

⁴² Kes melibatkan rampasan barang dan wang seorang peniaga bernama Datuk Mahkota Alam, kes rampasan wang Labey Che Dang dan Che Kader oleh pihak Siam, kes Gabenor Singgora yang bertapak di kubu Toh Lamboh dan kes Mat Assim yang dituduh membunuh perisik berbangsa Sikh; Narain Singh. Kesemua kes ini melibatkan kejadian di kawasan pertikaian. Untuk keterangan lanjut lihat The Case of Confiscation of Goods Belonging to Datu Mahkota Alam on the Frontier of the Upper Perak Claimed by Riau, CO 273/139/5957.

⁴³ Surat tersebut pada asasnya adalah pemberitahuan tindakan yang telah diambil oleh Weld kepada Granville. Weld melaporkan kepada Granville bahawa beliau telah memberi arahan kepada Low supaya menugaskan Bozziolo untuk membuat soal selidik berkaitan keadaan politik di kawasan pertikaian.

⁴⁴ R. Herbert kepada Sir P.Currie, (No.10), 19 Mei 1886. FO 422/10.

⁴⁵ Earl of Roseberry kepada Mr. Satow, (No.11), 25 Mei 1886, FO 422/10

⁴⁶ Mr. Meade kepada Sir P.Currie, (No.1), 6 April 1886, FO 422/10.

⁴⁷ Frank A. Swettenham merupakan Residen Jeneral NNMB yang pertama. Beliau memegang jawatan tersebut dari tahun 1896 hingga 1901. Sebelum itu, Swettenham bertugas sebagai Residen British bagi negeri Selangor.

⁴⁸ Bagi Swettenham, arahan penangguhan daripada British pada tahun 1887 bukanlah bermakna British menarik balik kes tuntutan Perak tersebut dan Swettenham tidak pernah sekali-kali menghentikan usahanya untuk mendapatkan kawasan pertikaian. Perak-Reman Boundary, CO 273/241/23399. hlm. 155.

⁴⁹ Jawatan ‘*British Minister*’ atau Menteri British di Bangkok sebelum ini dikenali sebagai Konsul Jeneral. Namun begitu sama ada ‘*British Minister*’ atau Konsul Jeneral tugas dan tanggungjawab tetap sama iaitu sebagai wakil British yang ditempatkan di Bangkok dan bertanggungjawab terus kepada FO.

⁵⁰ FO kepada Greville (No.47), 4 September 1897, FO 69/204.

⁵¹ Chayachoke Chulasiriwongs, ‘Thai-British Relations Concerning The Southern Malay States, 1880-1899’, hlm. 306.

⁵² Pada 23 April 1898, teka teki berhubung dalih Devawongse terbuka apabila Greville menerima surat daripada Devawongse berhubung pertikaian sempadan Perak-Reman. Surat Devawongse mengandungi sejarah awal tuntutan Perak dan alasan penolakan Siam terhadap permintaan penyelesaian tuntutan Perak terhadap kawasan pertikaian yang dikemukakan oleh British melalui Greville kepadanya. Devawongse juga menegaskan bahawa Siam sedia bekerjasama terhadap

sebarang usaha penyelesaian tetapi “any final settlement of boundaries between the two states ought to be based on actual possession, as peacefully existing since many years”, Devawongse kepada Greville, 23 April 1898, CO 273/253/3521. Bagi Siam, tuntutan Perak hanya sekadar soal pembetulan sempadan di kawasan pertikaian tetapi ianya membabitkan perkara yang lebih besar iaitu penyerahan sebuah kawasan yang penuh dengan sumber mineral yang sebelum ini tidak pernah dipertikaikan. Ianya juga berkaitan dengan maruah dan kedaulatan Siam mempertahankan wilayah naungannya. Sehubungan itu adalah berat bagi Siam untuk melepaskan kawasan tersebut ke tangan Perak, Greville kepada Marquess of Salisbury, 26 Februari 1889, CO 273/253/3521.

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Sir Frank A. Swettenham kepada Consul Jeneral Sir C. Mitchell, 26 April 1889, CO 273/253/20071.

⁵⁵ Lampiran dalam No.1, Agreement Signed 29 November 1899, CO 273/264/9805.

⁵⁶ CO 273/283, Lucas kepada Frank A. Swettenham, 16 Mei 1901.

⁵⁷ Mohd Zamberi A. Malek, Umat Islam Patani, hlm. 123.

⁵⁸ Strobel kepada Paget (No. 128), 1 Julai 1907, FO 422/61.

⁵⁹ Mr. Paget kepada Mr. Beckett (No. 139), 9 Oktober 1907, FO 422/61.

⁶⁰ Mr. Paget kepada Mr. Edward Grey (No.24), 30 Januari 1908, FO 422/62.

⁶¹ Mr. Paget kepada Mr. J. Anderson, 27 Januari 1908, CO 273/343/42463.

⁶² Mr. Paget kepada Mr. Grey (No.1), 20 Mei 1908. CO273/343/42463.

⁶³ Azmi Mohamad, ‘Hubert Berkeley: Pentadbir British Yang Berjaya di Hulu Perak 1907-1926’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86.

Bibliografi

Sumber Pertama

CO 273/241/23399, Perak-Raman Boundary.

CO700/StraitsSettlements61.

Devawongse kepada Greville, 23 April 1898, CO 273/253/3521.

Earl of Roseberry kepada Mr. Satow, (No.11), 25 Mei 1886, FO 422/10.

FO kepada Greville (No.47), 4 September 1897, FO 69/204.

FO. 69/81.

Greville kepada Marquess of Salisbury, 26 Februari 1889, CO 273/253/3521.

Lampiran dalam No.1, Agreement Signed 29 November 1899, CO 273/264/9805.

Lucas kepada Frank A. Swettenham 16 Mei 1901, CO 273/283.

Memorandum Newman kepada Siam, 13 Jun 1883, FO 422/8.

Mr. Lister kepada Mr. Meade, 5 Disember 1882. FO 422/8.

Mr. Maxwell kepada Sir Hugh Low, 1 Jun 1882, FO 422/8.

Mr. Meade kepada Mr. Lister, 26 Disember 1882. FO 422/8.

Mr. Meade kepada Sir J. Pauncefote, 26 Julai 1882, FO 422/8.

Mr. Meade kepada Sir J. Pauncefote, Julai, 1882, FO 422/8.

Mr. Meade kepada Sir P.Currie, (No.1), 6 April 1886, FO 422/10.

Mr. Newman kepada Earl Granville, 13 Jun 1883, FO 422/8.

Mr. Newman kepada Earl Granville, 24 Januari 1884, FO 422/8.

Mr. Paget kepada Mr. Beckett (No. 139), 9 Oktober 1907, FO422/61.

Mr. Paget kepada Mr. Edward Grey (No.24), 30 Januari 1908, FO 422/62.

Mr. Paget kepada Mr. Grey (No.1), 20 Mei 1908. CO273/343/42463.

Mr. Paget kepada Mr. J. Anderson, 27 Januari 1908, CO 273/343/42463.

Palgrave kepada Granville, 20 Oktober 1882 (No. 75).

Perak-Raman Boundary, CO 273/241/23399.

Perak-Reaman Boundary, CO 273/241/23399.

Prince Nares Varariddhi kepada Marquis of Salisbury, 30 September 1885, FO 422/9.

Prince Nares Varariddhi kepada Marquis of Salisbury, 30 September 1885, FO 422/9.

Raja Yusof kepada Hugh Low, CO 422/8.

- Sir Frank A. Swettenham kepada Consul Jeneral Sir C. Mitchell, 26 April 1889, CO 273/253/20071.
- Sir Frederick Weld kepada Earl of Derby, 12 Mac 1885, FO 422/9.
- Sir Frederick Weld kepada Mr. Satow, 24 Februari 1886 (Lampiran No.2 dalam No.3), FO 422/10.
- Sir. R. Herbert kepada Mr. Currie, 28 November 1885, FO 422/9.
- Strobel kepada Paget (No. 128), 1 Julai 1907, FO 422/61.
- The Case of Confiscation of Goods Belonging to Datu Mahkota Alam on the Frontier of the Upper Perak Claimed by Riau, CO 273/139/5957.

Sumber Kedua

- Abdullah Zakaria Ghazali, Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak, Ipoh: Yayasan Perak, 2005.
- Ahmad Jaffri bin Ahmad Zaini & Mohd bin Samsudin, Perkembangan Sistem Pentadbiran Persekutuan Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Journal of Social Sciences and Humanities, UKM, Vol. 16. No.9 (133-155).
- Azmi Mohamad, ‘Hubert Berkeley: Pentadbir British Yang Berjaya di Hulu Perak 1907- 1926’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86.
- Buyong Adil, Sejarah Perak, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981.
- Cameron, W., ‘On The Patani’, Journal of Straits Branch of The Royal Asiatic Society, June, 1883.
- Chulasiriwongs, Chayachoke, ‘Thai-British Relations Concerning The Southern Malay States, 1880-1899’, Thesis Ph.D, College of Arts and Sciences, Ohio University, Ohio, 1980.
- Gullick, J.M., The Elephants of Syed Zain, Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society, Vol.59, Part 1, 1986.
- <http://www.fco.gov.uk/resources/en/pdf/treaties/TS1/1909/19>
- Keyes, Charles F., Thailand: Buddhist Kingdom as Modern Nation State, London: Westview, Boulder and London, 1987.
- Lee, David, Historical Survey of Borders in Southeast Asia dlm. Clad, James; McDonald, Sean M; Vaughn, Bruce (ed.), The Borderlands of Southeast Asia: Geopolitics, Terrorism, and Globalization, Washington, DC., National Defense University Press, 2011.
- Maxwell, W.E., ‘A Journey on Foot to the Petani Frontier’, Journal of Straits Branch of The Royal Asiatic Society, Vol.9, 1882.
- Mior Ahmad Noor bin Mior Hamzah, ‘Proses Pembentukan Sempadan Malaysia Thailand’ Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995.
- Mohd Zamberi A. Malek, Patani dalam Tamadun Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Mohd Zamberi A. Malek, Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik, Shah Alam, Selangor :Penerbit Hizbi, 1993.
- Skeat ,W.W., The Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States and Upper Perak 1899- 1900, JMBRAS, Vol.26, Part.4.,hlm.4.
- Wan Hashim Wan Teh, “Pendahuluan” dalam Wan Hashim Wan Teh dan Daniel Parret (penyusun), Di Sekitar Konsep Negeri, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Kedutaan Besar Perancis di Malaysia, 1999.